

## **Jerebu tidak jejas industri penerbangan, maritim – Tiong Lai**

---

HULU LANGAT 14 Sept. – Jerebu tebal di negara ini masih belum berada di peringkat menjejaskan industri penerbangan dan maritim, sebaliknya kedua-dua sistem pengangkutan tersebut beroperasi seperti biasa.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, setakat ini, hanya beberapa pesawat terpaksa ditangguhkan penerbangannya dalam tempoh beberapa jam, namun, kembali beroperasi seperti biasa selepas keadaan reda.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihak kementerian tetap memberi perhatian serius terhadap perkara ini dan mengeluarkan amaran berjaga-jaga kepada kedua-dua sistem pengangkutan tersebut.

“Jerebu masih belum menjejaskan sistem penerbangan dan maritim kita. Jarak penglihatan udara 600 meter dan ke bawah hanya menjejaskan pesawat kecil manakala bagi sistem pengangkutan maritim, penglihatan yang menjejaskan bagi bot-bot kecil adalah pada jarak satu batu nautika dan ke bawah,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pelancaran myLesen di Pusat Latihan Memandu Surfing Hitech di sini hari ini.

Menurut Tiong Lai, Jabatan Marin dan Jabatan Penerbangan Awam juga telah diberi amaran berhubung jarak penglihatan yang berkurangan di beberapa bandar utama di negara ini.

Katanya, setakat ini, hanya dua pesawat penumpang dilencongkan dari laluan asal berikutan jerebu tebal di negara ini.

Pada Sabtu lalu, pesawat Tiger Airways dari Singapura ke Ipoh terpaksa melakukan pendaratan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berikutan kualiti jarak penglihatan udara di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh jatuh kepada kurang 900 meter.

Semalam, pesawat AirAsia dari Bangkok, Thailand ke Kuala Lumpur telah diubah semula laluannya ke Phuket sebelum memasuki kawasan ruang udara Malaysia.